
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HIU 122 - PERLUASAN 'AQIDAH ISLAMIYYAH: KONSEP DAN
PENGHAYATAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Maksud firman Allah S.W.T.:

“Dan Dia yang menerima taubat daripada hamba-Nya serta memaafkan kejahatan-kejahatan. Dan Dia mengetahui apa yang kamu semua kerjakan”
[al-Shura: 25]

[a] Setiap Muslim hendaklah menjauhi sebarang dosa dan kesalahan terhadap Allah S.W.T. Terangkan EMPAT cara untuk mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan maksiat.

[40 markah]

[b] Setiap individu Muslim bertanggungjawab terhadap dosa yang mereka lakukan. Jelaskan kenapa manusia tidak bertanggungjawab terhadap dosa orang lain berdasarkan dalil al-Qur'an.

[30 markah]

[c] Huraikan TIGA faktor yang mendorong seseorang melakukan maksiat.

[30 markah]

2. Iman merupakan asas ketauhidan kepada Allah S.W.T. dan memberi pengaruh yang besar kepada kehidupan individu mukmin.

[a] Jelaskan maksud Iman, Islam dan Ihsan.

[30 markah]

[b] Berikan hujah-hujah anda untuk menjelaskan kenapa umat Islam sering diuji dengan perkara-perkara yang boleh menggugat keimanannya kepada Allah S.W.T.

[40 markah]

[c] Murtad atau keluar daripada Islam adalah perbuatan yang boleh membatalkan iman seseorang. Terangkan TIGA faktor yang mendorong seseorang itu menjadi murtad.

[30 markah]

3. Beriman kepada Rasul adalah sebahagian daripada rukun Iman. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:

[a] Perutusan para rasul mempunyai peranan masing-masing. Nyatakan DUA daripada peranan mereka.

[20 markah]

[b] Huraikan DUA daripada kewajipan umat Islam terhadap para rasul.

[20 markah]

...3/-

- [c] Huraikan TIGA perbezaan pandangan di kalangan *ulama salaf* dan *al-Mu'tazilah* mengenai konsep perutusan rasul. [60 markah]
4. *Tawassul* dan *tabarruk* adalah sebahagian daripada aspek yang dibincangkan dalam pengajian 'aqidah Islamiyyah. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:
- [a] Jelaskan definisi *tawassul* dan *tabarruk*. [20 markah]
- [b] Huraikan dengan terperinci jenis-jenis *tawassul shar'iyah*. [60 markah]
- [c] Terangkan bagaimana *tabarruk* boleh dipraktikkan dalam kehidupan umat Islam. [20 markah]
5. Huraikan kaitan antara konsep-konsep berikut dalam Islam:
- [a] 'Aqidah dan Shari'ah. [40 markah]
- [b] Konsep tawhid dan *al-wilayah*. [30 markah]
- [c] Sebab musabab dan *tawakkul*. [30 markah]
6. Maksud firman Allah:
- "Katakan kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya sebagai bantuan". [al-Kahf: 109]*
- [a] *Kalam* adalah salah satu sifat *ma'ani*. Jelaskan maksud sifat *Kalam* menurut pandangan ulama *ahl al-sunnah wa al-jama'ah*. [20 markah]

- [b] Huraikan prinsip asas yang telah digariskan dalam perbahasan mengenai sifat *Kalam* menurut *al-Asha'irah* dan *al-Mu'tazilah*.
[40 markah]
- [c] Huraikan DUA sifat wajib dan DUA sifat mustahil bagi Allah menurut pandangan ulama *ahl al-sunnah wa al-jama'ah*.
[40 markah]